

**Pusat Media PRU-13 KPKK Di Bangunan Sultan Abdul Samad
Bernama
10 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Bermula Khamis depan, petugas media boleh mendapatkan maklumat, membuat rujukan serta liputan sepanjang tempoh pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) di Pusat Media PRU-13 yang disediakan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) di Kompleks Sultan Abdul Samad di sini.

Terletak di aras bawah, Blok A, Kompleks Sultan Abdul Samad, pusat media itu akan dibuka mulai 8 pagi sehingga 12 tengah malam setiap hari termasuk cuti umum sehingga 5 Mei, demikian menurut KPKK dalam kenyataan Rabu.

"Selain dilengkapi ruang kerja yang selesa, pelbagai kemudahan lain turut disediakan antaranya komputer, Internet, talian telefon, mesin pencetak dan ruang parkir.

"Segala kemudahan dan maklumat yang disediakan KPKK adalah khusus untuk petugas media bagi membuat liputan mengenai program dan aktiviti yang akan dilaksanakan kerajaan di seluruh negara sepanjang PRU13," kata kenyataan itu.

Selain itu, sebuah portal telah diwujudkan bagi menyalurkan maklumat terkini mengenai PRU13 kepada orang ramai di laman sesawang www.infomalaysia.com.my yang juga merupakan rujukan rasmi agensi media seluruh negara.

Pusat Media berkenaan diselaraskan oleh Bahagian Penyelarasan Media KPKK yang bertindak sebagai urus setia dengan kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia dan Suruhanjaya Pilihan Raya.

Pusat Media PRU-13 itu boleh dihubungi menerusi talian 03-2691 1298 atau 03-2691 3698 dan faks 03-2691 2379 atau e-mel pusatmediapru13@kpkk.gov.my.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940957>